

# **Kajian Impak Kesedaran Big Data Analytics (BDA) dalam Sektor Awam**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato' Dr./ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan,

## **HEBAHAN : KAJIAN IMPAK KESEDARAN BIG DATA ANALYTICS (BDA) DALAM SEKTOR AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pasukan Projek Data Raya Sektor Awam (DRSA), Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sedang menjalankan satu Kajian Impak Kesedaran Big Data Analytics (BDA) dalam Sektor Awam melalui satu soal selidik (survey). Soal selidik ini dijalankan bagi mengkaji dan menilai tahap kesedaran pegawai mengenai BDA dan tahap kesediaan Kementerian/Jabatan/Agensi dalam melaksanakan inisiatif BDA.
3. Maklum balas dan pandangan yang diterima akan digunakan bagi menambahbaik pelaksanaan inisiatif Program Berpacukan Data Sektor Awam ke arah membantu Kerajaan mendapat insight melalui bidang Sains Data untuk memperbaiki dasar, membuat perancangan strategik, dan membuat keputusan dan tindakan yang lebih cepat dan tepat. Sehubungan dengan itu, YBhg. Dato' Dr./ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan daripada **semua skim perkhidmatan** dijemput untuk turut serta dalam soal selidik ini yang mana boleh dicapai di pautan <https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLScg6ZSmIBmnXqsfHdDYwAnOGO0Ifjzs9sF0hCuAA-Eb92xUNA/viewform> bermula dari **28 Oktober 2020 sehingga 30 November 2020**.

Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Dato' Dr./ Dato'/ Datin/ YBrs. Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.